

Berkelah di tepi Pantai

Arahan: Isi tempat kosong dengan jawapan yang betul.

destinasi 目的地	berenang 游泳	hidangan 食物	mengemaskan 收拾
menjamu selera 尽情吃	berkelah 野餐	istana pasir 沙堡	berbual-bual 谈天
meletakkan 放	mendengar 听	menukar 换	pulang 回

Pada hari Ahad yang lalu, bapa membawa kami sekeluarga _____ di Port Dickson. Kami menaiki kereta bapa ke sana. Kami _____ sepanjang perjalanan.

Setibanya di _____, bapa mengeluarkan bekalan dari but kereta. Kami menolong mengangkat barangan lalu _____ bekalan kami di bawah sepohon pokok. Cuaca pada hari itu cerah. Kelihatan banyak pengunjung berada di pantai. Suasana di sana sangat meriah.

Tanpa membuang masa lagi, saya dan kakak segera _____ pakaian renang. Kami membawa pelampung besar yang baru dibeli. Saya dan kakak _____ dengan gembiranya. Bapa membaca surat khabar manakala ibu _____ muzik di tepi pantai. Adik pula membina _____ di tepi pantai.

Setelah penat berenang, kami _____ di tepi pantai. Ibu menyediakan pelbagai _____ di atas tikar. Kami makan dengan gelojohnya kerana terlalu lapar.

Selepas itu, kami _____ barangan dan membersihkan tempat perkelahan sebelum pulang. Kami membuang sampah ke dalam tong sampah. Kemudian, kami _____ dengan gembiranya.